



## MAJLIS DAERAH PONTIAN

1. (a) **Skim Perkhidmatan** : Pembantu Tadbir (Kewangan)  
(b) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana  
(c) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Kewangan  
(d) **Gred** : W19

2. **JADUAL GAJI**

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM1,353.00   | RM4,005.00    | RM100.00                    |

3. **SYARAT LANTIKAN**

3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakauan pada peringkat peperiksaan tersebut

(Gaji Permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00) atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,409.40) atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,409.40)

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,465.80)

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,465.80)

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang setaraf dengannya.

#### **4. TARAF JAWATAN**

##### **4.1 KONTRAK**



## MAJLIS DAERAH PONTIAN

1. (a) **Skim Perkhidmatan** : Pembantu Operasi  
(b) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana  
(c) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Pentadbiran Dan Sokongan  
(d) **Gred** : N11

2. **JADUAL GAJI**

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM1,216.00   | RM2,983.00    | RM80.00                     |

3. **SYARAT LANTIKAN**

3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) (i) Pentaksiran Tingkatan 3 / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00) atau

- (ii) Pentaksiran Tingkatan 3 / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:RM1,262.15)

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang setaraf dengannya.

4. **TARAF JAWATAN**

4.1 **TETAP**

## CARA-CARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati secara **percuma** di **Majlis Daerah Pontian** atau boleh dimuat turun di laman web: <http://www.mdpontian.gov.my>.
2. **Borang permohonan hendaklah ditampal dengan sekeping gambar berukuran passport** serta disertakan dokumen-dokumen berikut yang telah diakui sah:-
  - 1.1 Salinan kad pengenalan
  - 1.2 Salinan sijil kelahiran
  - 1.3 Salinan sijil-sijil persekolahan
  - 1.4 Salinan kelulusan akademik
  - 1.5 Salinan transkrip keputusan peperiksaan
  - 1.6 Lain-lain dokumen sokongan
3. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pontian  
Jalan Alsagoff  
82000 Pontian**

### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 JANUARI 2017**

4. Permohonan dari **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun **hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing** mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
5. **Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;**
6. Bagi kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil perlu melampirkan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui laman web interaktif <http://www.interactive.jpa.gov.my/WebInteraktif/frmsenaraipengiktirafanbaru.asp> bersama borang permohonan.
7. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. **Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.**

**HAJI KAMALLUDIN BIN HAJI JAMAL**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Daerah Pontian**  
**Jalan Alsagoff**  
**82000 Pontian**